



KEMENTERIAN PERTANIAN  
DAN INDUSTRI MAKANAN

JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN

AKTIVITI PENGINAPAN HAIWAN KESAYANGAN



DVS/KAKH/01/2019



# KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENGINAPAN HAIWAN KESAYANGAN

## JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1,  
Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62630, Putrajaya, Malaysia

Tel : 603-8870 2000  
Faks : 603 8888 8685  
Emel : pro@dvs.gov.my

Cetakan Pertama : 2019  
Cetakan Kedua : 2020

Penerbitan @ JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulangan mana-mana bahagian teks, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara lain, sama ada cara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain kecuali dengan keizinan bertulis daripada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Wisma Tani, Blok Podium, Lot 4G1, Presint 4, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62630, Putrajaya, Malaysia.

## ISI KANDUNGAN

1.0	PENDAHULUAN	1
2.0	OBJEKTIF	1
3.0	SKOP	2
4.0	DEFINISI	2
5.0	KATA SINGKATAN	3
6.0	TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA	3
7.0	PENDAFTARAN MASUK	4
8.0	PERUMAHAN HAIWAN	6
8.1	Lokasi	
8.2	Pembinaan	
8.3	Saiz sangkar	
8.4	Sistem saliran	
8.5	Suhu	
8.6	Bunyi	
8.7	Pencahayaan	
8.8	Pengudaraan	
8.9	<i>Bedding</i>	
8.10	Keselamatan	
9.0	KEBERSIHAN	9
9.1	Pembersihan dan pembasmian kuman	
9.2	Kawalan makhluk perosak	
9.3	Pelupusan bahan buangan	
9.4	Kotak najis ( <i>Litter trays</i> )	
10.0	PENGURUSAN	10
10.1	Penginapan haiwan	
10.2	Pekerja	

11.0	KESIHATAN	11
11.1	Pencegahan penyakit	
11.2	Pemeriksaan kesihatan	
11.3	Penginapan veterinar	
11.4	Pengasingan ( <i>Isolation</i> )	
12.0	PEMAKANAN	13
12.1	Makanan	
12.2	Air minuman	
13.0	SENAMAN	14
14.0	PENGANGKUTAN	14
15.0	PENGURUSAN HAIWAN YANG TIDAK DITUNTUT	15
16.0	REKOD	15
17.0	RUJUKAN	15
18.0	LAMPIRAN	16

## **KATA PENGANTAR**

### **KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN VETERINAR**

Akta Kebajikan Haiwan 2015 (Akta 772) telah diwartakan pada 29 Disember 2015 dan mula dikuatkuasakan pada 1 Julai 2017. Berdasarkan peruntukan Seksyen 15 Akta 772, terdapat tiga belas (13) aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan perlu dilesenkan oleh Lembaga Kebajikan Haiwan.

Sehubungan itu, Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia telah mengambil inisiatif untuk membangunkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) yang mengandungi piawaian serta garis panduan berkaitan kebajikan haiwan. KAKH ini berperanan menjadi rujukan kepada pemilik lesen dan juga mana-mana pihak yang berkenaan dalam memastikan kebajikan dan kesejahteraan haiwan yang terlibat dalam aktiviti di atas sentiasa terpelihara.

Selaras dengan agenda sosial masyarakat pada hari ini yang amat menitikberatkan isu berkaitan kebajikan haiwan, adalah diharapkan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini dapat dilaksanakan semasa mengendalikan haiwan dalam aktiviti-aktiviti yang melibatkan penggunaan haiwan seperti yang tersenarai dalam Jadual Akta 772.

Akhir kata, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua ahli Jawatankuasa Kerja, agensi kerajaan, pihak NGO dan semua individu yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam penyediaan dokumen kod amalan ini.

**DATO' DR. QUAZA NIZAMUDDIN BIN HASSAN NIZAM**  
**Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar**  
**Jabatan Perkhidmatan Veterinar**  
**Malaysia**

## KOD AMALAN KEBAJIKAN HAIWAN AKTIVITI PENGINAPAN HAIWAN KESAYANGAN

### 1.0 PENDAHULUAN

Pengendalian haiwan dalam mana-mana aktiviti yang melibatkan haiwan hendaklah mengambil kira keperluan kebajikan haiwan. Kewajipan ini adalah menjadi tanggungjawab pemunya atau pemegang lesen di bawah Akta Kebajikan Haiwan 2015. Sebagai pengusaha premis bagi aktiviti perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan maka kewajipan ini perlu dipatuhi. Oleh yang demikian itu, adalah perlu untuk pengusaha mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk memastikan keperluan haiwan berikut dipenuhi iaitu:

- i. keperluannya kepada persekitaran yang sesuai;
- ii. keperluannya untuk diet yang sesuai;
- iii. keperluan untuk membolehkannya mempamerkan corak kelakuan yang semulajadi;
- iv. keperluannya untuk ditempatkan bersama dengan atau berasingan daripada haiwan lain; dan
- v. Keperluannya untuk dilindungi daripada kesakitan, penderitaan, kecederaan dan penyakit.

Kod Amalan Kebajikan Haiwan (KAKH) ini perlu dipatuhi oleh pengusaha dan pekerja di premis perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan berkenaan. Semua premis perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan juga perlu mendapatkan lesen serta mematuhi undang-undang dan peraturan yang dikeluarkan sama ada oleh Lembaga Kebajikan Haiwan, pihak berkuasa veterinar atau pihak berkuasa tempatan untuk beroperasi sebagai premis perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan.

### 2.0 OBJEKTIF

Objektif utama KAKH ini ialah:

- 2.1 Memastikan kebajikan haiwan yang berada di premis perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan terpelihara.
- 2.2 Memastikan premis perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan mempunyai kemudahan asas yang mencukupi.

- 2.3 Memastikan premis perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan mempunyai pengurusan yang sistematis.
- 2.4 Memastikan haiwan kesayangan dilayan dengan beretika dan kebaikannya terpelihara di premis perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan.

### **3.0 SKOP**

Kod Amalan Kebajikan Haiwan Kesayangan ini menjelaskan amalan baik dan keperluan piawai minimum yang perlu dipatuhi dari segi kemudahan perumahan, kebersihan, pengurusan, penginapan, kesihatan, pemakanan, senaman dan pengurusan haiwan yang ditempatkan di premis perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan untuk tujuan penginapan sementara oleh pengusaha.

### **4.0 DEFINISI**

- 4.1 Bilik pengasingan  
Bilik khas yang terasing daripada tempat umum yang digunakan untuk menempatkan haiwan kesayangan yang sakit, mempunyai pengudaraan sendiri dan berpintu.
- 4.2 Pengusaha  
Tuan punya atau operator yang mengusahakan aktiviti kedai haiwan kesayangan.
- 4.3 Pekerja  
Individu yang bekerja di premis penginapan haiwan sama ada dibayar upah atau tidak oleh pengusaha atau pun secara sukarela.
- 4.4 Premis penginapan haiwan kesayangan  
Premis yang memberikan perkhidmatan penginapan haiwan untuk tempoh tertentu mengikut perjanjian dengan tuan punya/pemilik haiwan tersebut.

## 5.0 KATA SINGKATAN

- 5.1 DVS - Jabatan Perkhidmatan Veterinar
- 5.2 JKT - Jabatan Kerajaan Tempatan
- 5.2 KAKH - Kod Amalan Kebajikan Haiwan

## 6.0 TANGGUNGJAWAB PENGUSAHA

Pengusaha premis perkhidmatan penginapan haiwan kesayangan bertanggungjawab untuk memastikan perkara yang berikut:

- 6.1 Menyediakan penginapan dan peralatan yang sesuai dengan keperluan fizikal dan tingkah laku haiwan yang berada di premis penginapan haiwan kesayangan.
- 6.2 Melindungi haiwan daripada gangguan manusia, haiwan lain dan keadaan persekitaran yang berbahaya.
- 6.3 Menyediakan ruang yang mencukupi untuk haiwan berdiri, bergerak dengan bebas, meregang dengan sepenuhnya (*stretch fully*) dan berehat.
- 6.4 Menyediakan makanan yang bersesuaian dan air dalam kuantiti yang mencukupi dan bersih bagi mengekalkan kesihatan haiwan.
- 6.5 Melindungi haiwan daripada penyakit, ketidakselesaan dan kecederaan.
- 6.6 Mendapatkan rawatan yang bersesuaian dengan segera sekiranya terdapat kes kecederaan atau penyakit daripada doktor veterinar berdaftar.
- 6.7 Memastikan kebersihan premis dan haiwan terpelihara.
- 6.8 Menyelia pemakanan, pemberian air dan makanan serta pemeriksaan harian untuk memastikan kesejahteraan haiwan kesayangan.
- 6.9 Menyelia pekerja sama ada yang bekerja sepenuh masa atau separuh masa atau pun sukarelawan.

- 6.10 Mengumpul, mengemas kini dan menyimpan rekod haiwan yang terdapat dalam premis.
- 6.11 Memastikan pekerja diberi latihan asas berkaitan dengan pengurusan haiwan kesayangan.
- 6.12 Mematuhi mana-mana perundangan berkaitan dengan kebijakan dan kesejahteraan haiwan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

## 7.0 PENDAFTARAN MASUK

- 7.1 Semua haiwan kesayangan yang didaftar masuk mesti mempunyai tanda pengenalan.
- 7.2 Semua permintaan khas yang munasabah oleh pemilik atau doktor veterinar hendaklah dipenuhi oleh pengusaha premis penginapan haiwan kesayangan bergantung pada keupayaan serta persetujuan kedua-dua belah pihak.
- 7.3 Maklumat berikut hendaklah direkodkan apabila haiwan kesayangan didaftar masuk di premis penginapan haiwan kesayangan:
  - 7.3.1 Nama haiwan
  - 7.3.2 Nombor Kad Pengenalan Haiwan Malaysia atau Pet Passport (jika ada)
  - 7.3.3 Nama, nombor Kad Pengenalan atau nombor Pasport pemilik
  - 7.3.4 Alamat dan nombor telefon pemilik
  - 7.3.5 Tarikh haiwan daftar masuk dan daftar keluar
  - 7.3.6 Deskripsi bagi haiwan berkenaan, iaitu:
    - a. jantina
    - b. baka atau jenis
    - c. warna
    - d. ciri-ciri khas
    - e. status fisiologi (bunting, naik biang)
    - f. umur dan berat badan

- 7.3.7 Butiran kesihatan, iaitu:
- a. status vaksinasi dan nyahcacing
  - b. status pencegahan cacing jantung (anjing)
  - c. status kesihatan haiwan diisytihar
- 7.3.8 Nama dan nombor telefon doktor veterinar berdaftar yang biasa merawat haiwan
- 7.3.9 Maklumat pemakanan (diet) dan grooming
- 7.4 Haiwan yang ada atau disyaki mempunyai penyakit berjangkit tidak dibenarkan didaftar masuk ke dalam premis penginapan haiwan kesayangan.
- 7.5 Anjing yang berumur kurang daripada empat bulan serta kucing yang berumur kurang daripada tiga bulan tidak dibenarkan didaftar masuk kecuali bersama ibu.
- 7.6 Kolar dan leash yang boleh membahayakan haiwan lain hendaklah ditanggalkan semasa daftar masuk.
- 7.7 Langkah keselamatan perlu diambil bagi haiwan yang berisiko mencederakan operator, pekerja dan haiwan lain.
- 7.8 Pemilik haiwan kesayangan hendaklah menandatangani surat memberi kebenaran kepada pihak operator premis untuk mendapatkan rawatan veterinar yang sewajarnya bagi haiwan berkenaan oleh doktor veterinar.
- 7.9 Semua daftar keluar haiwan perlu disediakan perakuan penerimaan oleh pemunya haiwan/wakil yang diberi kebenaran oleh pemunya.
- 7.10 Haiwan perlu diperiksa dan disahkan untuk memastikan keadaan haiwan sebelum diserahkan kepada pemunya/wakil pemunya yang diberi kebenaran.
- 7.11 Pastikan pemunya/wakil pemunya yang diberi kebenaran menandatangani dokumen penerimaan semula haiwan dengan menyatakan keadaan fizikal haiwan berkenaan.

## **8.0. PERUMAHAN HAIWAN**

### **8.1 Lokasi**

- 8.1.1 Premis penginapan haiwan kesayangan perlu berada di kawasan yang sesuai dan tidak menyebabkan ketidakselesaan atau kesengsaraan kepada haiwan kesayangan.
- 8.1.2 Kawasan premis penginapan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai bekalan infrastruktur asas seperti air bersih dan elektrik yang mencukupi serta mempunyai saliran ke sistem pembetungan atau tangki septik.

### **8.2 Pembinaan**

- 8.2.1 Ruang petak sangkar hendaklah dipisahkan antara satu sama lain.
- 8.2.2 Permukaan dalam sangkar hendaklah diperbuat daripada bahan yang kalis air, mudah dicuci, dan tidak menyebabkan kecederaan kepada haiwan.
- 8.2.3 Lantai premis hendaklah menggunakan bahan yang kalis air untuk memudahkan pembersihan dan melancarkan aliran air.
- 8.2.4 Premis penginapan haiwan hendaklah disediakan bilik pengasingan.
- 8.2.7 Lanskap atau padang berumput yang menjadi sebahagian daripada *outdoor runs* hendaklah diselenggarakan dari semasa ke semasa dan dielakkan menjadi tanah berpasir.

### **8.3 Saiz sangkar**

- 8.3.1 Saiz sangkar sama ada secara sendirian atau berkumpulan hendaklah mencukupi untuk haiwan makan, tidur, berdiri, duduk, baring dengan selesa, meregang dan bergerak dengan bebas. Keperluan saiz adalah seperti dalam Lampiran 1.

- 8.3.2 Tinggi sangkar hendaklah berada pada ketinggian yang sesuai untuk memudahkan pembersihan.
- 8.4 Sistem saliran
- 8.4.1 Kecerunan lantai hendaklah sekitar dua darjah untuk memudahkan air mengalir ke longkang.
- 8.4.2 Perangkap sisa pepejal hendaklah disediakan bagi mengasingkan sisa pepejal dan cecair.
- 8.4.3 Perangkap sisa pepejal hendaklah dicuci setiap hari.
- 8.5 Suhu
- 8.5.1 Haiwan kesayangan hendaklah dilindungi daripada perubahan suhu yang ekstrem untuk meminimumkan ketidakselesaan kepada haiwan.
- 8.5.2 Haiwan kesayangan yang lebih sensitif kepada perubahan cuaca perlu disediakan kemudahan peralatan untuk pemanasan atau penyejukan.
- 8.6 Bunyi
- 8.6.1 Bunyi daripada anjing yang menyalak mesti diuruskan supaya tidak menyebabkan kacau ganggu dengan menggunakan kaedah yang berikut:
- a. Sangkar disusun supaya tidak menghadap satu sama lain.
  - b. Mengeludahkan rangsangan luaran dengan meletakkan pemisah di antara sangkar.
  - c. Meletakkan seekor anjing sahaja dalam sangkar/kennel atau dengan pasangan yang serasi.
- 8.6.2 Kucing hendaklah diletakkan berjauhan daripada anjing.

8.7 Pencahayaan

- 8.7.1 Pencahayaan hendaklah mengikut tempoh dan kadar seperti mana keadaan semula jadi.
- 8.7.2 Pencahayaan yang cukup hendaklah disediakan untuk memudahkan pemeriksaan serta pembersihan kawasan sangkar.

8.8 Pengudaraan

Pengudaraan yang baik hendaklah disediakan untuk memastikan kawasan perumahan haiwan bebas daripada kelembapan atau bau busuk.

8.9 Alas Haiwan (*Bedding*)

- 8.9.1 Semua sangkar perlu ada tempat tidur dan alas (*bedding*) yang sesuai, sekiranya perlu.
- 8.9.2 Alas (*bedding*) untuk haiwan hendaklah ditukar sekerap yang mungkin supaya kekal bersih dan kering.

8.10 Keselamatan

- 8.10.1 Premis penginapan haiwan mestilah berkunci.
- 8.10.2 Setiap sangkar hendaklah dilengkapi dengan sistem kunci yang tidak dapat dibuka oleh haiwan kesayangan yang berada di dalamnya.
- 8.10.3 Alat pemadam api hendaklah disediakan di kawasan yang strategik dan dipastikan berfungsi mengikut peraturan pihak berkuasa berkenaan.
- 8.10.4 Premis hendaklah mempunyai penghadang keselamatan kedua selain pintu sangkar untuk mengelakkan haiwan kesayangan daripada terlepas.
- 8.10.5 Premis penginapan haiwan mestilah mempunyai persiapan minimum yang mencukupi bagi menghadapi sebarang insiden kebakaran seperti di Lampiran 2.

## 9.0 KEBERSIHAN

- 9.1 Pembersihan dan pembasmian kuman
  - 9.1.1 Kawasan premis penginapan haiwan dan tempat senaman hendaklah dikekalkan kebersihan supaya kesihatan haiwan kesayangan terpelihara dan penyakit dapat dicegah.
  - 9.1.2 Najis hendaklah dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.
  - 9.1.3 Kawasan premis penginapan haiwan hendaklah dibersihkan setiap hari dan dinyahkumankan sekali seminggu.
  - 9.1.4 Sangkar dan tempat senaman hendaklah dibersihkan setiap hari dan dinyahkumankan sekali seminggu atau sebelum haiwan kesayangan baru dimasukkan.
  - 9.1.5 Pembersihan kawasan premis penginapan haiwan kesayangan, sangkar dan tempat senaman juga perlu dibuat setiap kali selepas wabak penyakit berjangkit berlaku di dalam premis penginapan haiwan.
  - 9.1.6 Bahan serta alatan untuk pembersihan dan pembasmian kuman yang digunakan hendaklah bersesuaian, selamat dan berkesan.
  - 9.1.7 Rekod pembersihan dan pembasmian kuman kawasan premis, sangkar dan tempat senaman perlu disimpan.
- 9.2 Kawalan makhluk perosak
  - 9.2.1 Makhluk perosak hendaklah dikawal.
  - 9.2.2 Bahan kimia yang digunakan untuk kawalan makhluk perosak hendaklah mengikut peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa dan digunakan menurut spesifikasi produk.

**9.3 Pelupusan bahan buangan**

- 9.3.1** Sisa pepejal dan karkas haiwan hendaklah dilupuskan segera dengan cara yang bersesuaian mengikut peraturan pihak berkuasa tempatan.
- 9.3.2** Pelupusan sisa klinikal hendaklah dikendalikan oleh pengendali sisa klinikal yang dileSEN.

**9.4 Kotak Najis (*Litter Trays*)**

- 9.4.1** Kotak najis hendaklah disediakan untuk kucing.
- 9.4.2** Bahan yang bersesuaian hendaklah digunakan dan disediakan dengan kedalaman yang mencukupi.
- 9.4.3** Sarap (*Litter*) hendaklah sentiasa diperiksa, dibuang, atau ditambah apabila perlu.
- 9.4.4** Semua sarap (*litter*) hendaklah ditukar sekurang-kurangnya dua kali sehari dan kotak najis (*litter tray*) hendaklah dicuci dan dinyahkuman.
- 9.4.5** Kotak najis yang baharu hendaklah disediakan untuk kucing yang baru masuk.

**10.0 PENGURUSAN**

**10.1 Penginapan haiwan**

- 10.1.1** Haiwan kesayangan hendaklah dilindungi daripada ketidakselesaan (*distress*) atau kecederaan yang disebabkan oleh haiwan lain.
- 10.1.2** Spesies yang berlainan tidak boleh diletakkan berdekatan, walaupun daripada pemilik yang sama.
- 10.1.3** Haiwan kesayangan daripada pemilik yang berlainan tidak boleh disimpan dalam sangkar yang sama.

10.1.4 Haiwan kesayangan harus diasangkan sekiranya haiwan tersebut mempunyai ciri-ciri yang berikut:

- a. Sedang menyusukan anak.
- b. Bersifat garang.
- c. Tua dan lemah.

## 10.2 Pekerja

10.2.1 Pekerja hendaklah sentiasa bersikap baik kepada haiwan dan berpengalaman serta dilatih dalam mengendalikan haiwan kesayangan.

10.2.2 Pekerja hendaklah mengetahui tanggungjawabnya sendiri dan kompeten untuk melaksanakannya.

10.2.3 Bilangan pekerja perlu mencukupi untuk melaksanakan semua aktiviti dengan baik dalam premis penginapan haiwan kesayangan.

## 11.0 KESIHATAN

### 11.1 Pencegahan penyakit

Haiwan kesayangan terutamanya anjing dan kucing perlu dipastikan telah divaksin dengan vaksin asas (core vaccine) mengikut jadual seperti Lampiran 3 sebelum haiwan tersebut diterima masuk.

### 11.2 Pemeriksaan kesihatan

11.2.1 Haiwan kesayangan hendaklah diperiksa sekurang-kurangnya dua kali sehari (pagi dan petang) untuk memantau keselesaan dan kesihatan haiwan.

11.2.2 Pekerja yang menjalankan pemeriksaan hendaklah memastikan setiap haiwan:

- a. makan
- b. minum
- c. berak
- d. kencing
- e. berkelakuan normal

- f. dapat bergerak dengan bebas
  - g. tidak menunjukkan sebarang tanda penyakit
- 11.2.3 Sebarang ketidaknormalan hendaklah dilaporkan kepada operator premis penginapan haiwan kesayangan dengan kadar segera.
- 11.2.4 Sebarang ketidaknormalan yang dilaporkan hendaklah dimaklumkan kepada tuan punya haiwan tersebut.
- 11.3 Khidmat Veterinar
- 11.3.1 Haiwan hendaklah dibawa untuk mendapatkan khidmat veterinar daripada doktor veterinar jika menunjukkan tanda-tanda seperti yang berikut:
- a. Hidung berhingus
  - b. Mata berair dan radang
  - c. Bersin berulang kali
  - d. Batuk
  - e. Muntah
  - f. Cirit-birit berlarutan melebihi 3 hari atau sekiranya berdarah
  - g. Ketempangan semasa masuk penginapan
  - h. Tidak boleh berdiri atau berjalan semasa masuk penginapan (*inability to stand or walk*)
  - i. Pendarahan atau pembengkakan bahagian badan
  - j. Susut berat badan > 10% dalam seminggu
  - k. Perubahan dalam perwatakan mendadak semasa dalam penginapan
  - l. Kelesuan ekstrem
  - m. Tiada selera makan melebihi 3 hari
  - n. Kesakitan ketara
  - o. Sawan atau terhuyung-hayang (*fits or staggering*)
  - p. Pengembungan abdomen (*bloating*)
  - q. Tidak boleh kencing atau berak
- 11.3.2 Setiap premis penginapan haiwan kesayangan hendaklah mempunyai peti kecemasan untuk haiwan seperti Lampiran 4.

#### 11.4 Pengasingan (*Isolation*)

- 11.4.1 Haiwan yang disyaki atau mempunyai penyakit berjangkit hendaklah diletakkan di dalam bilik pengasingan.
- 11.4.2 Semua peralatan yang digunakan dalam bilik pengasingan hendaklah dikhususkan untuk penggunaan dalam bilik pengasingan sahaja.
- 11.4.3 Pekerja hendaklah mencuci dan menyahkuman tangan sebelum dan selepas masuk ke dalam bilik pengasingan.
- 11.4.4 Pekerja hendaklah menguruskan haiwan yang sihat dahulu sebelum memasuki bilik pengasingan.

### 12.0 PEMAKANAN

#### 12.1 Makanan

- 12.1.1 Haiwan hendaklah diberi makanan yang sesuai, tidak tercemar serta bernutrisi mengikut keperluan spesies, baka, keadaan fisiologi dan umur. Makanan hendaklah dalam kuantiti yang mencukupi serta dalam komposisi yang sesuai.
- 12.1.2 Makanan preskripsi hendaklah dibekalkan sendiri oleh pemilik haiwan.
- 12.1.2 Semua haiwan hendaklah diberi makan sekurang-kurangnya dua kali sekali.
- 12.1.3 Makanan hendaklah disediakan dengan cara yang bersih dalam bekas yang bersih dan tidak mudah tumpah.
- 12.1.4 Bekas makanan harus senang untuk diakses dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.
- 12.1.5 Baki makanan hendaklah dibuang secepat mungkin supaya tidak basi dan menarik lalat.

## 12.2 Air minuman

- 12.2.1 Air bersih hendaklah disediakan sepanjang masa secara *ad libitum*.
- 12.2.2 Bekas minuman harus senang untuk diakses dan dibersihkan sekurang-kurangnya sekali sehari.

## 13.0 SENAMAN

- 13.1 Anjing digalakkan diberi peluang untuk bersenam sekurang-kurangnya 20 minit, sekali pada setiap hari bagi memenuhi keperluan yang berikut:
  - a. Keperluan fisiologi.
  - b. Memberi ruang untuk pemeriksaan visual pada anjing.
  - c. Memberi ruang anjing untuk meregangkan otot (*stretching*).
- 13.2 Penyediaan tempat senaman dalam kawasan premis adalah amat digalakkan.

## 14.0 PENGANGKUTAN

- 14.1 Haiwan kesayangan hendaklah dipindahkan dalam masa yang paling singkat. Haiwan tidak boleh ditinggalkan dalam kenderaan yang diletakkan di bawah matahari terik atau cuaca panas kecuali disediakan pengudaraan yang mencukupi atau di bawah teduhan yang bersesuaian.
- 14.2 Reka bentuk kenderaan yang digunakan untuk pengangkutan haiwan kesayangan perlu mempunyai ciri-ciri yang berikut :
  - a. Melindungi haiwan daripada kecederaan.
  - b. Lantai tidak licin.
  - c. Menjamin keselamatan pekerja dan orang awam.
  - d. Melindungi daripada perubahan suhu yang terlampau.
  - e. Mengelakkan haiwan daripada terlepas.
  - f. Mudah dicuci dan dibasmi kuman.
- 14.3 Penyediaan sangkar yang bersih, selamat, kukuh dan mempunyai ruangan yang berasingan mengikut kesesuaian saiz haiwan bagi mengelakkan kecederaan.

## 15.0 PENGURUSAN HAIWAN YANG TIDAK DITUNTUT

- 15.1 Pengusaha premis penginapan haiwan hendaklah mempunyai polisi berkaitan pengurusan haiwan yang tidak dituntut.
- 15.2 Kandungan polisi hendaklah merangkumi perkara yang berikut:
  - a. Tempoh penyimpanan (*holding period*)
  - b. Kaedah pelupusan
  - c. Prosedur menghubungi semula pemilik
  - d. Caj-caj berkaitan
- 15.3 Pemilik hendaklah dimaklumkan mengenai polisi ini semasa haiwan kesayangan didaftar masuk dan menjadi syarat untuk dipatuhi oleh pemilik jika ingin mendaftar masuk haiwan kesayangan untuk *boarding*.
- 15.4 Polisi berkenaan mestilah mematuhi prinsip kebajikan haiwan.

## 16.0 REKOD

Pemilik premis penginapan haiwan kesayangan hendaklah menyediakan, menyimpan dan mengemas kini rekod-rekod berkaitan pengurusan premis dan ia perlulah dikemukakan kepada pihak berkuasa veterinar apabila diminta.

## 17.0 RUJUKAN

- 17.1 Good Animal Husbandry Practice for Pets and Exotic Animal (DVS Malaysia)
- 17.2 New South Wales Animal Welfare Code of Practice No 5 - Dogs and Cats in Animal Establishment (1996)
- 17.3 WSAVA Vaccination-Guidelines
- 17.4 New Territory Government Animal Welfare
- 17.5 Agriculture.ny.gov-small animal's minimum space requires for dogs
- 17.6 Buku Panduan Baka-Baka Anjing Terhad dan Terlarang di Malaysia

**Lampiran 1****SAIZ SANGKAR DAN PETAK YANG DISYORKAN**

(Haiwan hanya boleh disimpan dalam sangkar/petak ini untuk maksimum 4 minggu)

<b>Spesies</b>	<b>Keluasan lantai minimum (cm<sup>2</sup>)</b>	<b>Lebar minimum (cm)</b>	<b>Ketinggian minimum (cm)</b>	<b>Bilangan maksimum haiwan</b>	<b>Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm<sup>2</sup>)</b>
<b>ANJING</b>					
<b>anak anjing (8-16 minggu)</b> kurang dari 3 kg lebih 3 kg	6,000 6,000	60 60	50 50	4 2	1,500 3,000
<b>dewasa (ketinggian)</b> kurang dari 40 cm 40 - 70 cm lebih 70 cm	15,000 24,000 35,000	90 100 120	Tinggi 15cm dari hujung kepala ke hujung atas sangkar	1 1 1	10,000 12,000 17,000
<b>dewasa (ketinggian)</b> ibu menyusu anak menyusu	35,000	120		1	17,000 4,000
<b>KUCING</b>					
anak kucing (8-12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	4 1	1,500 1,500
<b>ARNAB</b>					
anak (6 - 12 minggu) dewasa	6,000 6,000	60 60	50 50	6 2	300 600
<b>GUINEA PIGS</b>	2,500	50	40	4	600
<b>TIKUS</b>	600	20	20	2	300
<b>ULAR</b>					
sehingga 100 cm 100 - 250 cm 250 - 400 cm lebih 400 cm	2,000 4,500 6,000 10,000	45 50 50 90	35 50 50 75	2 2 2 1	1,000 2,250 3,000 5,000

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm <sup>2</sup> )	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm <sup>2</sup> )
<b>CICAK</b>					
Tokek, Mengkarung, Cicak tanpa kaki untuk 25 cm dari muncung hingga dubur	1,800	30	20	3 dewasa atau 10 juvana	300
Biawak, Mengkarung untuk 30 cm panjang * untuk 50 cm panjang ** untuk 90 cm panjang ***	2,100 2,500 7,000	40 40 90	40 40 60	3 dewasa atau 10 juvana 2 dewasa atau 5 juvana 1	350 600 3,500
Biawak untuk 120 cm panjang untuk 200 cm panjang	10,000 30,000	90 150	90 120	1 1	5,000 15,000
<b>KATAK POKOK &amp; TANAH</b>					
kecil besar	1,800 2,500	30 50	40 30	3 6	400 150
<b>BURUNG SANGKAR "INDOOR"</b>					
<b>Saiz burung cm panjang</b>					
10	1,000	-	34	2	500
12	1,600	-	34	2	800
30	5,000	-	70	2	2,500
40	8,000	-	70	2	5,000
50	22,500	-	100	2	7,500
90	36,000	-	120	2	12,000

Spesies	Keluasan lantai minimum (cm <sup>2</sup> )	Lebar minimum (cm)	Ketinggian minimum (cm)	Bilangan maksimum haiwan	Penambahan keluasan lantai untuk setiap penambahan haiwan (cm <sup>2</sup> )
<b>BURUNG SANGKAR "OUTDOOR"</b>					
<b>Saiz burung cm panjang</b>					
10	3,700	-	180	2	1,800
12	7,200	-	180	2	3,600
30	10,000	-	180	2	5,000
40	15,000	-	180	2	7,500
50	25,000	-	180	2	12,500
90	50,000	-	180	2	25,000
<b>KURA-KURA</b>	KEDALAMAN AIR MINIMUM				
Karapas 0-10 cm	1,800	MINIMUM 30	20	3	300
Karapas 10 – 20 cm	3,600	40	30	3	600
Karapas lebih 20 cm	6,000	40	30	3	1,500

Nota:

Tikus juvana (kurang dari 8 minggu) boleh ditempatkan sebanyak 4 ekor dalam satu sangkar.

Ular sawa juvana (kurang daripada 40 cm) boleh disimpan bersendirian dalam unit halaman dengan keluasan lantai minimum 480 cm<sup>2</sup>. Unit-unit ini boleh disimpan dalam satu kepungan suhu.

- \* Kumpulan ini termasuk Mengkarung Batu Hitam (Black Rock), Pokok, Putih (White's) dan Belang.
- \*\* Termasuk mengkarung berbadan berat dan spesies gerak-pancut (shower-moving) seperti Lidah-biru (Blue-tongue), Sirap belakang (Shingleback) dan Gidgee
- \*\*\* Termasuk Mulet Darat, Yakka dan Mengkarung Raja.

## **Lampiran 2**

### **LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN DAN PERSIAPAN MENGHADAPI KEBAKARAN.**

1. Mengenal pasti laluan keluar kecemasan untuk mengeluarkan haiwan dari dalam premis semasa kebakaran.
2. Menyediakan alat pemadam api atau gulungan hos api yang cukup untuk mencapai semua kurungan haiwan.
3. Barang yang mudah terbakar disimpan di kawasan yang terpisah dari tempat kurungan haiwan.
4. Memasang alat pengesan asap yang mencukupi bagi premis kurungan haiwan yang tertutup.
5. Merokok adalah tidak dibenarkan di premis kurungan haiwan.
6. Tanda "Dilarang merokok" di tempat-tempat yang mudah dilihat di premis kurungan haiwan/kawasan pameran.
7. Pemadam api yang digunakan hendaklah diperiksa dan diluluskan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia.

**Lampiran 3**

## VAKSIN ANJING YANG DISYORKAN

<b>Penyakit</b>	<b>Jenis Vaksin</b>	<b>Cara Pemberian Vaksin</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)</b>	<b>Vaksinasi Ulangan</b>
<b>Distemper</b>	MLV	SC atau IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Canine hepatitis berjangkit</b> <b>CAV-1 or CAV-2</b>	MLV Inactivated	SC or IM SC or IM	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
<b>Jangkitan Parvovirus</b>	MLV	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Bordetella</b>	Inactivated Attenuated hidup	SC or IM IH	6-8 >2	10-12 -	14-16 -	Tahunan Dua Kali Setahun
<b>Parainfluenza</b>	MLV	SC, IM or IN	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Leptospirosis</b>	Inactivated	SC or IM	10-12	14-16	-	Tahunan
<b>Rabies *</b>	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

\* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

## VAKSIN ANJING YANG DISYORKAN

<b>Penyakit</b>	<b>Jenis Vaksin</b>	<b>Cara Pemberian Vaksin</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Pertama (minggu)</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Kedua (minggu)</b>	<b>Usia pada Vaksinasi Ketiga (minggu)</b>	<b>Vaksinasi Ulangan</b>
<b>Panleukopenia (FP)</b>	Inactivated MLV MLV IN	SC atau IM SC atau IM SC atau IM	6-8 6-8 6-8	10-12 10-12 10-12	14-16 14-16 14-16	Tahunan Tahunan Tahunan
<b>Penyakit Herpervirus Type 1 (FAV-1)</b>	MLV MLV IN	SC or IM IN	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
<b>Penyakit Calicivirus (FCV)</b>	Inactivated	SC or IM	6-8	10-12	14-16	Tahunan
<b>Feline Leukemia (FeLV)</b>	MLV MLV IN	SC or IM IN	6-8 6-8	10-12 10-12	14-16 14-16	Tahunan Tahunan
<b>Rabies *</b>	MLV	IM	12-16	-	-	Tahunan / Tiga Tahun Sekali

\* Untuk mematuhi kehendak undang-undang negeri/arahan pihak berkuasa veterinar

\*\* Diluluskan untuk digunakan pada kucing (hanya satu vaksin sejak Januari 1983). Penggunaan vaksin MLV yang tidak diluluskan pada kucing boleh mengakibatkan penyakit Rabies cetusan vaksin.

**SC = Bawah kulit, IM = intraotot, IN = intranasal**

## Lampiran 4

### PERTOLONGAN CEMAS UNTUK HAIWAN

Garis panduan bagi melengkapkan sebuah kotak pertolongan cemas:

1. Gunting
2. Pita
3. Gel pelincir
4. Gunting kuku
5. Selimut kecemasan
6. Sarung tangan pemeriksaan
7. Non-adhesive dressing
8. Antiseptik
9. Kapas
10. Forsep
11. *Normal saline*
12. Termometer
13. Gauze swab
14. *Penlight*
15. Cecair pembasmi kuman
16. Kain pembalut

## PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua individu dan pihak yang terlibat dalam menyediakan Kod Amalan Kebajikan Haiwan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung, terutamanya kepada Lembaga Kebajikan Haiwan, Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia, Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (KV), Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Veterinar Malaysia (P), Pengarah-Pengarah Bahagian DVS, Pengarah-Pengarah DVS Negeri, Agensi-agensi kerajaan, pihak industri, pihak NGO dan Ahli Jawatankuasa Kerja Penyediaan Kod Amalan Kebajikan Haiwan.

## NOTA

## NOTA





[www.dvs.gov.my](http://www.dvs.gov.my)